

SULIT
1103/2
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA 2 ½ JAM

1103/2



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

LATIH TUBI SPM 2021

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

PERATURAN PEMARKAHAN (PP)

SULIT

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata dasar tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morforlogi

(i) sedih

1. = ~ hati berasa pilu (susah, hiba) dlm hati: Ramli memandang kpd ibunya dgn sayu, ~, perih;
2. menyebabkan rasa pilu (susah, hiba): Rosita menekan dadanya menahan gelora ~ pilu sukmanya; berita ~; cerita ~; bersedih = ~ hati berasa susah (pilu, hiba), berdukacita: dia ~ apakala anaknya dihukum bunuh;

(ii) murni

1. bersih sekali; suci; tulen: Cita-citanya tinggi dan ~. memurnikan menjadikan murni; membersihkan; menyucikan. kemurnian keadaan murni; kesucian; ketulenan.

(iii) deras

1. cepat (laju) sekali (aliran air, sesuatu gerakan, dsb): arus sungai itu sangat ~;
2. lekas (perbuatan), cepat: katalah ~, saya nak tahu; tolong ambilkan aku songkok ~ sedikit;
3. lebat (hujan): hujan semakin ~ turun;
4. Kd kuat (bunyi, suara): "Mengapa sampai berkata begitu ...?" sergh Masri agak ~ drpd biasa; ~ datang dalam kena prb membuat sesuatu dgn tergesa-gesa akan mendatangkan kerugian; ~ spt anak panah terlalu cepat; tenang

(iv) handal

1. dpt dipercayai atau dpt diharapkan; setia.
2. pandai dan bijak dlm permainan dll; kenamaan (cekap dll): pemain bola yg ~. handalan yg handal: panglima ~.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2- subjek predikat

1. Subjek : Setiap butir permata itu
Predikat : mempunyai nilai estetikanya yang dapat dilihat daripada rupa bentuknya yang indah dan menawan.
2. Subjek : Kedai emas dan permata
Predikat : menjadi kunjungan wajib bagi mereka yang suka akan perhiasan mewah dan beraneka corak.
3. Subjek : emas perhiasan yang dibeli oleh wanita atau sesiapa jua
Predikat : merupakan aset terpenting dan pelaburan pada masa hadapan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan (Pelbagai kesalahan bahasa)**Petikan 1**

- i. Kesibukkan - Kesibukan
- ii. kuihmuah - kuih-muih
- iii. ayam kari - kari ayam
- iv. abang masak - dimasak oleh abang
- v. dapat - mendapat
- vi. cermelang - cemerlang

[6 markah]

Petikan 2

- i. paling meriah sekali - paling meriah / meriah sekali
- ii. bertitah - berucap
- iii. menasihatkan - menasihati
- iv. cermat - bijak
- v. di seru - diseru
- vi. demi untuk - demi / untuk

[5 markah]

[Maksimum : 11 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	3-4
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	
Ayat disalin bulat-bulat/ Isi tidak mengikut urutan/ salah fakta	0

Setelah habis tempoh idah, Seri Nara Diraja bernikah dengan Tun Kudu. Seri Nara Diraja dan Paduka Raja bermuafakat dan bertambah erat seperti saudara sendiri. Seri Nara Diraja menyembah Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, lebih baik jadikan Paduka Raja sebagai bendahara kerana dia merupakan anak bendahara."

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 -Peribahasa*Peribahasa lain yang sama /hampir sama*

- (i) Bukit sama dijaki lurah sama dituruni
 - 1. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - 2. hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - 3. terendam sama basah, terampai sama kering
 - 4. muafakat membawa berkat

- (ii) malang tidak berbau
 - 1. sudah jatuh ditimpa tangga
 - 2. bagi antan patah, lesung pun hilang
 - 3. geruh tak mencium bau

- (iii) anak ayam kehilangan ibu
 - 1. seperti layang-layang putus tali
 - 2. telah sekah tempat bergantung

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh sahaja (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MÄRKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MÄRKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (tidak menyentuh semua bahan)	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MÄRKAH
Isi cukup / ayat gramatis	3
Isi cukup / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 3 markah : Pemahaman teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1@ 2 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

5. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud : berjaya mengawal [2 markah]

- berhasil/beroleh/mampu/dapat menjaga/mengawasi/menangani/mengekang/menjaga - 2m
- berjaya (kekal) / menjaga/mengawasi/menangani/mengekang/menjaga - 1m
- berhasil/beroleh/mampu/dapat mengawal(kekal) - 1m

(ii) perbezaan tahap kesihatan.

Bahan 1

- P1. kanak-kanak dahulu menderita akibat penyakit difteria, batuk kokol dan tibi serta meningitis
- P2. orang dewasa pula berpenyakit malaria, taun, puru dan untut.
- P3. tahap kesedaran penjagaan kesihatan masyarakat yang rendah
- P4. ketiadaan kemudahan kesihatan yang memuaskan.

Bahan 2

- P1. prasarana kemudahan kesihatan semakin membangun
- P2. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara, kini boleh dibanggakan dan telah mendapat pujian daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
- P3. KKM telah berjaya mengawal penyakit yang digolongkan sebagai pembunuh utama kanak-kanak.

[isi cukup: 2 isi]

[maksimum: 3 markah]

* NOTA: (isi cukup :2 isi) Jawapan hendaklah dari Bahan 1 dan Bahan 2

(iii) langkah yang perlu diambil oleh **seluruh ahli keluarga** dalam usaha menjaga kesihatan

- P1. Ibu bapa menjadi suri teladan dengan menjaga kesihatan
- P2. Anak-anak dilatih mengamalkan pemakanan seimbang
- P3. Kakak/abang meminimumkan pengambilan makanan segera
- P4. Datuk/henek menasihati/memantau makanan yang diambil oleh ahli keluarga
- P5. Adik beradik membudayakan amalan senaman
- P6. Ibu bapa memasak makanan sihat
- P7. Anak-anak dididik mengambil makanan organik/suplemen tambahan

[isi cukup: 2 isi]

[maksimum: 3 markah]

(iv) tindakan yang boleh anda lakukan

- P1. Mengajak/membawa rakan menyertai aktiviti riadah sukan
- P2. Memperkenalkan dengan rakan lain yang pakar dalam diet dan aktif bersukan
- P3. Berkongsi pautan maklumat tentang cara-cara berdiet
- P4. Menghadiahkan peralatan sukan kepada rakan
- P5. Bercerita/berkongsi pengalaman tentang tip diet berkesan
- P6. Berkongsi video/buku elektronik yang berkaitan diet dan senaman
- P7. Memberikan perangsang/motivasi

[isi cukup: 3 isi]

[maksimum: 4 markah]

* NOTA: Jawapan-jawapan lain yang sesuai boleh diterima

Soalan 7**(i) Maksud : ucap difahami**

- lafaz / sebutan mengerti / memahami / menguasai
- ucap (kekal) mengerti / memahami / menguasai
- lafaz / sebutan difahami (kekal)

[2 markah]

- 2m
- 1m
- 1m

[maksimum: 2 markah]

(ii) Kepentingan bahasa kebangsaan kepada rakyat ;**Bahan 1**

- P1. Bahasa kebangsaan penyatu warga
- P2. Bahasa kebangsaan milik bersama
- P3. Kita ungkapkan sepanjang zaman
- P4. Bahasa kita lambang jati diri
- P5. Anugerah warisan usah terburai

Bahan 2

- P1. bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang
- P2. bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada

*** NOTA: Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan**

[isi cukup: 3 isi]

[maksimum: 4 markah]

(iii) Nilai yang perlu diterapkan dalam diri agar anda tidak terpengaruh dengan dunia luar

- P1. nilai kesyukuran
- P2. nilai kesopanan
- P3. nilai rasional
- P4. nilai keberanian
- P5. nilai patriotisme
- P6. nilai Jati diri

(Nilai lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[isi cukup: 3 isi]

[maksimum: 4 markah]

(iv) Langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi penggunaan bahasa rojak sehingga menjelaskan pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu

- P1. Memberi nasihat kepada rakan-rakan yang menggunakan bahasa rojak supaya menggunakan bahasa Melayu standard.
- P2. Membetulkan bahasa rojak yang digunakan oleh rakan-rakan semasa berbual ataupun penggunaannya di media sosial supaya menggunakan bahasa Melayu dengan betul.
- P3. Mengajak rakan-rakan untuk menyertai sebarang pertandingan yang melibatkan bahasa Melayu.
- P4. Memberikan bahan bacaan bahasa Melayu kepada rakan-rakan yang sering menggunakan bahasa rojak

(langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[isi cukup: 2 isi]

[maksimum: 3 markah]

Soalan 8

- (i) tindakan yang dilakukan oleh Dahlia apabila mendengar suara neneknya.

- P1 Dahlia mengetap bibir
- P2 telekung yang menyelubungi tubuhnya dibuka
- P3 telekung disangkut dipaku yang tercacak di dinding
- P4 Dia mengganti kain pelikat dengan kain basahan
- P5 Setelah mengikat rambut, dia keluar dari bilik.

[Isi cukup : 3 isi]
[Maksimum : 4 markah]

Soalan 8 (ii)

peristiwa yang dapat dikaitkan dengan kasih sayang antara watak.

Jendela Menghadap Jalan

- (i) Peristiwa Lili sayang akan ibunya sehingga sanggup pulang ke kampung walaupun mempunyai perancangan lain.
- (ii) Peristiwa nenek sayang akan Lili dan sangat sedih apabila Lili diculik
- (iii) Peristiwa nenek melayan Lili dengan baik dan penuh kasih sayang
- (iv) Peristiwa Che Jah sayang akan anak-anak sehingga sanggup membuka rahsia tentang kecurian kubah
- (v) Peristiwa nenek risau akan kehilangan datuk membuktikan kasih sayang antara pasangan hidupnya

(terima jawapan lain yang relevan)

Songket Berbenang Emas

- (i) Peristiwa Dahlia sayang akan adik-adik sehingga sanggup keluar dari asrama demi menjaga mereka
- (ii) Peristiwa Embong amat menyayangi isterinya sehingga membenarkan dia dirawat di hospital
- (iii) Peristiwa Dahlia tetap menyayangi Nek Kiah walaupun keluarga mereka dibenci
- (iv) Peristiwa Abu Bakar mempertahankan Dahlia sewaktu dihina oleh Aton sebagai tanda kasih seorang adik terhadap kakak.
- (v) Peristiwa Embong menyayangi anak-anaknya
- (vi) Peristiwa Azhari kasih terhadap Dahlia
- (vii) Peristiwa Aton menyayangi anaknya Said

(terima jawapan lain yang relevan)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - **20 markah**
 (b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) Isi (20 markah)**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- o nama khas
 - o perkataan berganda
 - o penggunaan kata sendiri *di* dan *ke*
 - o tarikh
 - o angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - o gelaran
 - o penanda wacana
 - o peribahasa
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (v) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja seperti jadual di bawah.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 isi lengkap)												Markah Maksimum
(i) Pendahuluan													2	
(ii) Isi Bahan 1													16	
Fokus 1 (Kepentingan)	4	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1	1		
Fokus 2 (Cara-cara)	5	3	2	1	4	3	2	5	4	3	5	4		
(iii) Isi Bahan 2														
Fokus 1 (Kepentingan)	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	2	3		
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	20	
(iv) Penutup / Kesimpulan													2	
Jumlah Markah Isi													20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat sangat baik. Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat baik. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut ejaan rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat kurang baik. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin, markah bahasa pada peringkat lemah
- (ii) Jika markah isi **7 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi **6 markah ke bawah** tetapi bahasa sangat baik, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah Bahasa
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Soalan 9 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]

	Markah
P1 membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah / pendekatan / strategi mengatasi jenayah siber dan punca / sebab / alasan jenayah siber.	2
P2 membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah / pendekatan / strategi mengatasi jenayah siber	1
P3 membincangkan punca / sebab / alasan jenayah siber.	1

Isi [16 markah]

FOKUS 1 Cara mengatasi jenayah siber

Bahan 1

A1 pihak berkuasa memperhebat literasi keselamatan siber	2
A2 pihak berkuasa perlu memperketat undang-undang siber yang lebih tegas	2
A3 pihak berkuasa perlu menyedarkan masyarakat awam supaya terus melaporkan kepada pihak berkuasa	2
A4 segera matikan perbualan dan terus membuat laporan ke balai polis berdekatan.	2

Bahan 2

B1 pendidikan dan etika diperkenalkan	2
B2 Kempen kesedaran untuk mengubah	2
B3 Antivirus dipasang pada peranti	2
B4 Akal diguna untuk berwaspada	2

FOKUS 2 Punca-punca jenayah siber

Bahan 1

C1 masyarakat gemar memaparkan kehidupan peribadi mereka kepada umum menggunakan aplikasi media sosial	2
C2 Sikap tamak segelintir mangsa mengharapkan keuntungan segera	2
C3 Ada juga mangsa tidak mahu buat laporan polis kerana malu selain jumlah kerugian dianggap kecil	2
C4 Sikap orang ramai yang mudah percaya dengan tawaran pembelian pada harga tidak munasabah	2

Kesimpulan [2 markah]

K1 Kesimpulannya, jenayah siber perlu ditangani supaya/agar keselamatan masyarakat terjamin.	2
K2 Kesimpulannya, jenayah siber perlu ditangani.	1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)